

Hayun buaian seorang diri

Imej wanita berpakaian putih, berambut panjang dirakam waktu siang

AZLINA OTHMAN

JOHOR BAHRU

Baru-baru ini penduduk Johor Bahru kecoh apabila tular video dengan imej seakan pontianak berada di taman permainan kanak-kanak berdekatan sebuah kuarters kerajaan di bandar raya ini.

Video berdurasi sekitar 24 saat yang tular di laman sosial sejak beberapa hari lepas itu memaparkan wanita berpakaian serba putih dan berambut panjang sedang berdiri sambil menghayun

buaian pada waktu siang.

Sinar Harian ke lokasi berkenaan untuk mendapatkan penjelasan lanjut berhubung video berkenaan yang dipercayai dirakam dari ruang balkoni kuarters tersebut dan berhadapan dengan sebuah taman permainan kanak-kanak.

Difahamkan, kuarters berkenaan baru siap dibina dan mula diduduki sejak Mac lepas.

Salah seorang penghuninya yang enggan dikenali mengakui telah menonton video berkenaan.

"Saya telah tonton video tersebut setelah dikongsi dalam *WhatsApp*.

"Bagaimanapun sepanjang menduduki kuarters ini, saya tidak pernah pula berdepan dengan sebarang gangguan mistik atau insiden pelik.

"Kuarters ini juga masih belum penuh dan ramai yang

info

Tak diketahui siapa yang merakamkan video tersebut

belum berpindah buat masa ini," katanya kepada *Sinar Harian*.

Bagaimanapun, katanya, dia tidak mengetahui siapa yang merakamkan video berkenaan serta menyebarkannya.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) negeri, Mohamad Riduan Akhyar berkata, isu gangguan makhluk halus itu tidak pernah diutarakan sejak penghuni kuarters itu berpindah masuk ke rumah masing-masing pada Mac lalu.

Menurutnya, sejak video wanita yang didakwa menyerupai pontianak itu di-

kongsikannya, pihaknya mengambil pendekatan mengadakan bacaan tahlil dan Yaasin pada Ahad lepas.

"Kita ada mengambil pendekatan perubatan tradisional dan mengadakan bacaan tahlil dan Yaasin pada Ahad lalu. Bagi kami, isu ini tidak serius dan kemungkinan ia hanya kebetulan dilihat oleh penghuni pada waktu itu.

"Sebelum ini, anak-anak penghuni bermain di taman permainan tersebut tidak pula berdepan dengan masalah gangguan makhluk halus ini," katanya.

Beliau berkata, insiden dipercayai berlaku beberapa minggu lalu namun video tersebut hanya tular baru-baru ini.



Video yang dirakamkan memaparkan imej wanita berbaju putih dan berambut panjang sedang berdiri sambil hayun buaian.

Sila layari
sinarharian
.com.my